

“Ucapan saya bukan kempen pilihanraya”

Jitra 5 Nov. — Orang-ramai yang menghadiri program Pemimpin Bersama Rakyat di kawasan Parlimen Kubang Pasu hari ini ketawa besar apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad secara bergurau mengingatkan mereka bahawa ucapannya hari ini bukanlah bermakna kempen pilihanraya telah bermula.

Secara berseloroh, Dr. Mahathir berkata, “saya sudah 20 tahun menjadi wakil rakyat Kubang Pasu...kalau tak jadi wakil rakyat macam mana hendak jadi Perdana Menteri...jadi kalau bertanding sekali lagi pun, bagilah undi pada saya.”

Kata-katanya itu menyebabkan semua yang hadir ketawa malah ada yang menjerit “Kami masih memerlukan kepimpinan Datuk Seri...”

Dalam ucapannya itu, Dr. Mahathir banyak menyentuh mengenai kejayaan negara dalam mengubah corak hidup masyarakat sehingga negara ini dipandang tinggi oleh negara maju serta negara-negara Eropah.

Malah beliau juga sering mengingatkan mereka yang hadir supaya membuat pilihan yang betul dalam pilihan raya akan datang.

“Tetapi ini bukan kempen pilihanraya...kerana pilihanraya lambat lagi. Tetapi tak apalah, lambat atau cepat tak penting, yang penting ialah menyokong kerajaan yang boleh membawa kemakmuran, keamanan dan kestabilan kepada negara seperti mana yang telah dibuktikan oleh Barisan Nasional sejak merdeka lagi,” ujarinya.

Sebab itulah katanya, rakyat Malaysia patut bersyukur kerana mereka boleh hidup dengan aman dalam sebuah negara yang boleh dikatakan tiada langsung kacau bilau mahupun rusuhan atau bimbang dirompak ketika keluar berjalan-jalan bersama keluarga.